

Projek tidak munasabah

Sinar Harian 7/8/2018 ms 35

**Nelayan minta
kaji semula
kedudukan
benteng pemecah
ombak**

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS

Komuniti nelayan di pantai Mengabang Telipot, di sini, mendesak pihak berkenaan supaya mengkaji semula kedudukan benteng pemecah ombak di kawasan itu yang sedang dalam proses pembinaan ketika ini.

Ia berikutan kedudukan benteng yang didakwa tidak munasabah kerana bukan dibina di hadapan pangkalan, sebaliknya dibuat di bahagian

tepi, sekali gus gagal menghalang hakisan daripada terus berlaku.

Ketua Komuniti Perikanan Mengabang Telipot, Abdullah Abd Ghani berkata, projek yang bermula sejak awal Julai lalu itu tetap diteruskan meskipun tidak dipersetujui ramai pihak.

Menurutnya, komuniti nelayan di situ tidak bersetuju dengan pelaksanaan projek berkenaan kerana kedudukannya bukan sahaja tidak munasabah, malah bakal jadi projek membazir.

"Bayangkan, benteng pemecah ombak yang seharusnya dibina di kawasan tengah untuk melindungi pangkalan ini, namun pihak berkenaan membuat benteng di bahagian tepi.

"Bagi kami ia merupakan pelaksanaan projek yang tidak munasabah dan membazir, sekali gus tidak



Projek membina benteng pemecah ombak yang rancak dijalankan.

dapat membantu golongan nelayan di sini," katanya kepada Sinar Harian.

Abdullah berkata, pangkalan Kampung Tengah yang berusia lebih 40 tahun itu menempatkan 25 bot nelayan dan sebuah bangunan untuk simpanan

ikan, surau dan sebagainya dengan nilai keseluruhan harta benda berjumlah RM150,000.

"Pangkalan ini adalah laluan nelayan mencari rezeki dan kawasan ini telah beberapa kali dilanda hakisan.



ABDULLAH



SALLEH

"Jadi, wajar kami selaku nelayan di sini meminta agar pihak berkenaan mengkaji semula projek untuk rakyat ini," katanya.

Seorang nelayan yang ditemui, Salleh Abdullah, 69, berkata, mana-mana pihak khususnya agensi kerajaan yang ingin melaksanakan sesuatu projek seharusnya mengambil kira pandangan penduduk setempat.

Katanya, walaupun penduduk kampung tiada pendidikan tinggi, selaku orang lama golongan itu lebih memahami kawasan persekitaran.

"Saya harap pihak yang berkaitan tidak mengabaikan pandangan orang kampung terutamanya nelayan yang lebih arif tentang apa yang berlaku di kawasan pantai," katanya.